

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]**  
**TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN 17**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk meningkatkan daya saingan KLIA menjadi hub pengangkutan udara rantau Asia dan taget yang disasarkan.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha menjadikan KLIA sebagai menjadi hub pengangkutan udara bagi rantau Asia, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat Penerbangan Negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar Negara terutama dari negara asing dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
  - (i) rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut; dan
  - (ii) memasukkan KLIA sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah Perjanjian Perkhidmatan Udara antara Malaysia dan negara-negara asing di perangkat serantau dan antarabangsa. Melalui Perjanjian-perjanjian tersebut, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara dan

## NO. SOALAN : 17

negara-negara asing yang terbabit dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;

2. Di samping itu, Kerajaan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) akan terus menggandakan usaha untuk mempromosikan Malaysia dan menarik lebih banyak syarikat penerbangan tempatan atau asing untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan di negara ini termasuk dari rantau Asia. MAHB sentiasa mengadakan aktiviti promosi dan galakan dengan syarikat-syarikat penerbangan dalam forum antarabangsa yang terkenal dan hadir oleh syarikat-syarikat penerbangan seperti *Routes Asia* dan *Routes World* yang diadakan setiap tahun.
3. Selain itu, MAHB juga telah memperkenalkan program insentif khas untuk menggalakkan syarikat penerbangan tempatan mahupun antarabangsa menyediakan perkhidmatan penerbangan antarabangsa di semua lapangan terbang. Syarikat penerbangan akan mendapat manfaat dalam bentuk pengecualian caj pendaratan selama beberapa tahun, ganjaran rebat (potongan harga) bagi setiap penumpang yang dibawa masuk oleh syarikat penerbangan dalam jangka masa 12 bulan pertama operasi, ganjaran rebat bagi setiap penumpang berdasarkan kadar pertumbuhan antara tahun pertama dan tahun kedua mengikut kadar yang ditetapkan. Selain daripada menikmati manfaat dalam bentuk caj pengecualian dan potongan harga, syarikat penerbangan juga diberi sokongan dalam bentuk pembayaran balik aktiviti pemasaran (*Marketing Support*).
4. MAHB juga telah melaksanakan inisiatif *Seamless Connectivity* di antara kedua-dua terminal KLIA dan klia2 sejak tahun 2017. Pihak MAHB menyediakan bas *shuttle* atau ulang-alik secara percuma untuk penumpang-penumpang yang mempunyai penerbangan sambungan atau *connecting flights* di antara terminal KLIA dan klia2. Menerusi inisiatif ini MAHB bekerjasama dengan pihak POS Aviation yang merupakan salah sebuah syarikat (*ground handler*) di kedua-dua terminal.

**NO. SOALAN : 17**

5. MAHB menyasarkan tambahan 3 syarikat penerbangan asing baharu dari rantau Asia untuk memulakan perkhidmatan penerbangan di KLIA dengan sasaran peningkatan bilangan tempat duduk untuk laluan-laluan ke Asia sebanyak 3%. Sasaran ini merangkumi syarikat penerbangan tempatan dan syarikat penerbangan antarabangsa bagi tahun 2020.

Sekian, terima kasih.